

# WSC: Malaysia sasar emas pertama

Oleh **ABDUL RASHID**

**ABDUL RAHMAN**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

**MARAN 27 Julai** - Malaysia menarasarkan meraih sekurang-kurangnya sebutir pingat emas dalam Pertandingan Kemahiran Dunia (WSC) di Brazil dari 11 hingga 16 Ogos ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abdul Mutalib berkata, menjadi harapan besar bagi kerajaan dan rakyat negara ini untuk membawa pulang pingat emas dalam tempoh 20 tahun dalam pertandingan berprestij itu yang disertai Malaysia buat kali ke-10.

"Sebagai ketua kontinjen Malaysia, saya menaruh harapan yang tinggi supaya kita dapat membuktikan keupayaan anak-anak muda kita di peringkat antarabangsa dalam pertandingan kali ini.

"Saya percaya kita mampu melakukannya. Tahun lalu, kita berjaya meraih sembilan emas dan dinobatkan sebagai pemenang tempat kedua dalam Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASC) yang disertai 10 negara di Hanoi, Vietnam," katanya kepada pemberita selepas Majlis Lemang Perdana di kediannya, di sini semalam.

Pada majlis itu, lebih 1,000 batang lemang dibakar secara bergotong-royong oleh penduduk se-tempat sebagai jamuan Hari Raya Aidilfitri.

Menurut Ismail, dalam pertandingan kemahiran berkenaan, Malaysia menghantar sebanyak 19 penyertaan untuk bersaing dengan kira-kira 60 buah negara.

Kata beliau, kebanyakan wakil Malaysia terdiri daripada mereka yang pernah mendapat pingat emas dalam ASC sekali gus mampu memberi saingan sengit dalam

pertandingan berkenaan.

"Diharapkan seluruh rakyat Malaysia akan memberi sokongan padu dan mendoakan kejayaan wakil negara dalam pertandingan ini. Kejayaan membawa pingat emas bukan sahaja dapat memberi kegembiraan kepada seluruh rakyat, tetapi menaikkan nama dan maruah negara di persada dunia," ujar beliau.

Sementara itu, beliau meminta golongan ibu bapa agar sentiasa memberi sokongan kepada anak-anak mereka untuk melanjutkan pengajian di peringkat vokasional dan kemahiran yang menjanjikan pendapatan lumayan.

"Pada masa ini pendidikan teknikal dan vokasional menjadi pilihan ibu bapa, sebab itulah kalau kita lihat di negara lain mereka menghantar anak-anak mereka ke jurusan berkenaan yang mempunyai masa depan amat baik," katanya.